



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

6 November 2015 / 24 Muharram 1437

**Membina Iman Dan Keyakinan Melalui Ilmu**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْمَلِكِ الْحَقِّ الْمُبِينِ الَّذِي أَبَانَ لِعِبَادِهِ مِنْ آيَاتِهِ مَا  
بِهِ عِبْرَةٌ لِلْمُعْتَبِرِينَ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ إِلَهَ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا . أَمَّا بَعْدُ فَيَا  
عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang jemaah yang dihormati sekalian,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. Perbaharuilah keazaman kita untuk mendekatkan diri lagi dengan Allah s.w.t, dengan mentaati perintahNya dan menjauhi segala tegahanNya.

Saudaraku,

Pada minggu lalu, khatib telah mengingatkan kesan mendalam mencintai Nabi s.a.w. dan keperluan menuruti keluhuran budi dan keindahan akhlaknya. Pada hari ini, saya ingin membawa perhatian kita kepada salah satu contoh keindahan akhlak

Baginda. Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan Abu Dawud, satu ketika Nabi s.a.w. memimpin tangan Mu'az ibn Jabal r.a. lalu Nabi berkata: *“Wahai Mu'az sesungguhnya aku mengasihi kamu, [untuk itu] aku berpesan kepadamu wahai Mu'az, jangan engkau meninggalkan [bacaan ini] di penghujung setiap solat”*:

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ.

Yang bermaksud: *“Ya Allah! Bantulah aku untuk mengingatiMu, dan bersyukur kepadaMu, dan untuk menunaikan ibadah kepadaMu sebaik mungkin”*.

Hadith ini saudara, membawa bersamanya beberapa mutiara pelajaran yang berharga sebagai muhasabah buat kita. Pertama, lihatlah bagaimana keprihatinan Nabi s.a.w. terhadap mereka yang berada bersama dengannya, lebih-lebih lagi golongan muda dan remaja. Dengan penuh kelembutan dan ihsan Nabi s.a.w. memulakan bicaranya agar hati pemuda itu bersedia untuk menerima pesanannya. Pada masa yang sama, hadith ini juga merupakan peringatan bahawa adalah menjadi satu tanggungjawab untuk kita pastikan bahawa kita tidak sambil lewa dalam usaha memberikan panduan, bimbingan dan peringatan kepada anak muda dan belia kita agar kekal dekat kepada Allah.

Sepertimana Rasulullah s.a.w. bersungguh-sungguh dengan penuh kesabaran membekalkan generasi mudanya dengan ilmu dan bimbingan agama agar terus menjadi orang yang

terus teguh keimanannya, serta indah akhlaknya, begitu juga hendaknya kita saudara.

Kita perlu selalu bertanya kepada diri kita sendiri bagaimana kita mampu memainkan peranan meningkatkan ilmu dan amalan agama mereka yang terdekat dengan kita. Ketahuilah bahawa ilmu pengetahuan adalah anak kunci kepada pengukuhan akidah dan iman. Allah s.w.t. berfirman dalam surah Al-Hajj ayat 54, berkaitan kelebihan orang yang berilmu:

وَلِيَعْلَمَ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَيُؤْمِنُوا بِهِ فَتُخْبِتَ لَهُ قُلُوبُهُمْ وَإِنَّ اللَّهَ لَهَادِ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٥٤﴾

Yang bermaksud: *“Dan agar orang-orang yang telah diberi ilmu, meyakini bahwasanya Al-Quran itulah yang hak daripada Tuhan-mu lalu mereka beriman dan tunduk hati mereka kepadaNya dan sesungguhnya Allah adalah Pemberi Petunjuk bagi orang-orang yang beriman kepada jalan yang lurus”*.

Melalui ayat ini Allah s.w.t. menegaskan bahawa ilmu itu merupakan antara faktor seorang insan memperolehi keyakinan dan kemantapan iman. Ilmu juga memberi kepada seorang insan kemampuan untuk membuat penilaian, apabila berhadapan dengan maklumat agama, samada melalui buku penulisan ataupun wadah internet. Individu yang berilmu mampu mengenalpasti yang hak dari yang batil, yang benar dari yang diragui. Inilah peranan ilmu agama bagi setiap individu, ilmu yang menjadi punca insan itu terbimbing dan

bukannya tersesat. Menjadi kehidupan kita terarah dan terbimbing oleh nilai-nilai kebaikan.

Saudaraku,

Setiap individu muslim seharusnya faham akan agamanya sendiri. Kita seharusnya tidak hanya mengikut-ikut orang ramai dalam menetapkan amalan agama. Alhamdulillah saudaraku, kita kini boleh mendapati pelbagai kelas agama sepanjang minggu, sama ada di masjid-masjid mahupun di pusat-pusat swasta. Namun masih ada lagi di kalangan keluarga dan sahabat kita yang belum lagi mendapat peluang untuk terdedah kepada kandungan agama melalui program-program ini.

Maka saudaraku, sekiranya kita memiliki kenalan ataupun ahli keluarga seperti itu, maka renungkan sejenak. Bagaimana kita dapat mendorong teman atau keluarga kita itu untuk meraih manfaat daripada program pendidikan Islam yang sedia ada ini. Sebagaimana kita menginginkan kebaikan untuk dirinya di dunia ini, maka seharusnya kita juga sering berusaha membuka dan mempersembahkan peluang kesejahteraan dunia dan akhirat kepada keluarga dan sahabat kita.

Seandainya ada di kalangan sahabat ataupun keluarga kita yang mungkin masih segan untuk menghadiri kelas agama, maka usahakanlah untuk kita perkenalkan asatizah yang diiktiraf di bawah Skim Pengiktirafan Asatizah kepada mereka. Mungkin juga boleh kita himpunkan keluarga dan sahabat di

rumah sebagai permulaan. Jika pun kita belum menjadi seorang alim, sekurang-kurangnya kita menjadi pintu untuk saudara dan sahabat kita mengenali Allah dan Rasulullah s.a.w.

Pada masa yang sama saudaraku, sekiranya kita telah menguasai ilmu agama yang dasar, maka tingkatkan dan perdalamkanlah lagi pengetahuan agama kita. Tidakkah kita ingin tergolong dari golongan mereka yang disebutkan Nabi s.a.w. dalam hadithnya: *“Barangsiapa yang Allah s.w.t. menginginkan kebaikan buat dirinya, Allah akan kurniakan baginya kefahaman akan agama”*. [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari]

Jadilah kita dari golongan ini saudaraku. Golongan yang dadanya dipenuhi ilmu yang luas, mindanya dipandu kefahaman yang mendalam dan matang. Perluaskan pembelajaran ilmu kita dengan guru-guru yang pelbagai agar kita dapat membina kematangan pemahaman dan menghayati kekayaan khazanah ilmu Islam. Lebih penting lagi saudara berusaha untuk mengamalkan ilmu kita. Adalah amat rugi jika kita menghantar anak-anak ke kelas agama tetapi kita sebagai ibu bapa di rumah tidak mewujudkan suasana yang menggalak mereka melaksanakan apa yang telah mereka pelajari.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kita berdoa kepada Allah agar mengurniakan kepada kita rasa cinta kepada ilmu dan ahlinya. Mudah-mudahan kita dan seluruh keluarga sentiasa dikurniakan petunjukNya. Semoga Allah memelihara masyarakat yang kita sayangi ini, di atas landasan SyariahNya, seperti yang dibawa oleh Baginda Nabi s.a.w. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.